

BH MS8 4/10/2013

MB cari lokasi dijadikan pejabat operasi SPA Terengganu

? Ketiadaan pejabat cawangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) di negeri ini menyebabkan ramai pemohon gagal menghadiri temu duga. Apakah tindakan SPA mengatasi masalah ini.

Anak Terengganu

Besut, Terengganu

! SPA sudah mengadakan pertemuan dengan Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Ahmad Said berhubung perkara itu. Hasilnya, Menteri



Besar bersetuju mencari lokasi sesuai untuk dijadikan pejabat operasi SPA cawangan Terengganu sebelum Disember ini. Ia bagi mengatasi masalah pemohon di Terengganu yang mendaftar dengan SPA gagal menghadiri temu duga kerana lokasi pejabat SPA yang jauh.

Lokasi pejabat cawangan SPA terdekat adalah di Pahang dan Kelantan. Jadi, agak sukar untuk mereka menghadiri proses temu duga apabila dipanggil.

Tan Sri Mahmood Adam

Pengerusi SPA